



**KERTAS TUNTUTAN BERKENAAN ISU  
MAYA UM & MASALAH AKSESIBILITI  
MAHASISWA  
BAGI SEMESTER I, SESI 20/21**

KEPADA

PIHAK PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT

DISEDIAKAN OLEH

KESATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA 2020

## PENGENALAN

Rentetan daripada Wabak Covid-19 ini, pihak pengurusan Universiti Malaya telah membuat keputusan supaya pembelajaran dan pengajaran (PdP) akan dijalankan secara atas talian (e-learning) sepanjang semester II sesi 19/20. Keputusan tersebut dibuat berdasarkan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan oleh pihak Kerajaan bagi membendung penularan Covid-19 dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi dan juga pensyarah mahupun kakitangan Universiti Malaya.

Walaupun bagaimanapun, pihak Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) telah mendapat banyak aduan sepanjang pembelajaran atas talian pada semester II sesi 19/20. Antara masalah dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya adalah berkaitan dengan laman web UM seperti Spectrum, MAYA, UMTOUCH dan lain-lain. Tambahan pula, ramai mahasiswa dan mahasiswi menghadapi masalah bagi pendaftaran kursus di laman web baharu UM iaitu MAYA UM. Ada juga dalam kalangan mereka yang mempunyai masalah daripada segi fasiliti sepanjang pembelajaran atas talian.

Dengan pengumuman daripada pihak pengurusan UM pada 2020 untuk meneruskan pembelajaran atas talian pada semester I, 20/21, ini sedikit sebanyak telah menimbulkan keresahan mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai masalah seperti dinyatakan di atas.

Pihak KMUM cakna akan isu-isu tersebut yang dialami oleh mahasiswa dan mahasiswi dan telah mengeluarkan satu survey yang bertajuk "*Survey: Online Learning Experience During Semester II, 19/20 Session*" pada 25 Ogos 2020 untuk mengenalpasti masalah-masalah tersebut dan seterusnya, membawa suara mahasiswa dan mahasiswi kepada pihak pengurusan Universiti Malaya terutamanya pihak Pusat Teknologi Maklumat (PTM) untuk menyelesaikan isu ini.

Setakat jam 8:00pm, 16 Ogos 2020, seramai 809 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya telah mengisi survey yang telah disediakan oleh KMUM tersebut.

## 1. MASALAH PENDAFTARAN KURSUS DI LAMAN WEB MAYA UM

Sebelum semester II sesi 19/20 bermula, pihak Universiti Malaya (UM) telah mengumumkan bahawa MAYA UM akan dijadikan sebagai laman web bagi tujuan pendaftaran kursus dan subjek bagi mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya. Laman web MAYA UM telah menggantikan laman web *REGISTER UM* sebagai salah satu platform pendaftaran kursus dan subjek.

Pihak Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) menyedari bahawa pihak UM telah menjalankan *test-run* berkali-kali dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya selama setahun untuk memastikan laman web tersebut lancar dan boleh digunakan bagi semester II sesi 2019/2020.

Walau bagaimanapun, sewaktu pendaftaran subjek bagi semester II sesi 19/20, terdapat pelbagai masalah dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya. Ada yang tidak dapat memasuki laman MAYA tersebut, traffic yang penuh, ada juga yang telah memasuki laman web tersebut awal untuk mendaftar kursus tetapi disebabkan laman web MAYA tersebut.



Carta Pai 1: Statistik Berdasarkan Respon Borang Maklum Balas oleh KMUM


Menurut statistik di dalam survey yang telah dijalankan oleh pihak KMUM di atas, seramai 601 mahasiswa dan mahasiswi yang mengalami masalah bagi pendaftaran subjek di MAYA manakala 207 menjawab tidak.

Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar adalah:

- "Selection not valid" bagi kursus tersebut.
- Error sewaktu penjadualan module.
- Ketiadaan bilangan kapasiti bagi subjek tersebut dimana mahasiswa dan mahasiswi tidak tahu sekiranya subjek tersebut telah penuh atau tidak.
- Pertembungan tarikh bagi subjek-subjek dipilih.
- Ketiadaan module di dalam sistem.
- Laman web MAYA UM tergendala oleh kerana trafik yang berlebihan.
- Module yang sedia ada telah bercampur dengan module sesi lepas.
- Masalah untuk mengemas kini maklumat pelajar dimana ia menjadi error.
- Masalah dalam kalangan pelajar tahun pertama bagi sesi 20/21.

Disebabkan terdapat pelbagai masalah di atas, pihak KMUM ingin menggesa supaya pihak PTM menambahbaik laman web MAYA UM tersebut kerana laman ini merupakan laman web dimana mahasiswa dan mahasiswi akan menggunakannya bagi tujuan pendaftaran subjek dan kursus. Pihak KMUM amat mengambil berat akan isu tersebut kerana isu ini amatlah kritikal kerana ia melibatkan pendaftaran kursus dan subjek mahasiswa dan mahasiswi bagi semester tersebut.

## 2. MASALAH BERKENAAN LAMAN WEB UM (SPECTRUM, MAYA UM, MYUM DLL)



*Carta Pai 2: Statistik Berdasarkan Respon Borang Maklum Balas oleh KMUM*

Menurut statistik di atas, seramai 271 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya telah menjawab bahawa mereka mempunyai masalah untuk melayari laman web UM manakala 537 telah menyatakan mereka tidak mempunyai sebarang masalah sepanjang pembelajaran atas talian. Walaupun majoriti mahasiswa dan mahasiswi tidak mengalami sebarang masalah, namun kita tidak boleh membiarkan mahasiswa dan mahasiswi yang mengalami masalah kerana pihak KMUM amat berpegang dengan dasar *“no one should be left behind”*.

Antara masalah yang dihadapi oleh mahasiswa dan mahasiswi adalah seperti berikut:

- Error kepada sistem.
- Masalah trafik dimana mahasiswa dan mahasiswi menghadapi masalah untuk memasuki SPECTRUM bagi tujuan kelas, tutorial, quiz, tugas dan peperiksaan.
- Jawapan tidak sampai ke pensyarah oleh kerana masalah *lagging* pada Spectrum.
- UMTOUCH tidak berfungsi dengan baik.
- MYUM sering tergendala.
- SPECTRUM mempunyai masalah dan disebabkan laman tersebut *“hanging”*, ia menimbulkan masalah dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi untuk menjawab *quiz* yang mempunyai masa yang terhad.
- Fail tidak dapat dimuatnaik kerana error.

Pihak KMUM percaya bahawa dengan adanya pembelajaran atas talian, satu sistem yang lebih lancar amat diperlukan terutamanya sewaktu kuiz, tugas dan peperiksaan akhir yang menggunakan laman web UM. Maka, pihak KMUM ingin menyeru supaya pihak PTM dapat memperbaiki masalah-masalah tersebut untuk memastikan kelancaran pembelajaran atas talian pada semester I, 20/21 bagi mahasiswa dan mahasiswi sama ada di rumah mahupun di kampus.

### **3. PEMBERIAN GRANT LAPTOP KEPADA MAHASISWA DAN MAHASISWI YANG MEMERLUKAN.**


#### **Isu: Ketiadaan komputer riba sepanjang pembelajaran atas talian (e-learning)**

Pihak Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) amat mengambil berat dengan dasar “no one should be left behind” di mana semua mahasiswa dan mahasiswi perlu dibantu daripada segi aksesibiliti demi memastikan kelancaran pembelajaran dan pengajaran atas talian. Walau bagaimanapun, pihak KMUM telah menerima aduan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi akan kesusahan mereka oleh kerana ketiadaan komputer riba sepanjang pembelajaran atas talian pada semester II sesi 19/20. Ada yang hanya menggunakan telefon bimbit sebagai satu medium untuk membuat tugas, tutorial dan ada juga yang terpaksa menggunakan komputer riba mereka yang bermasalah dan usang sepanjang pembelajaran atas talian pada semester II sesi 19/20.

Tambahan pula, dengan pengumuman daripada pihak Universiti Malaya untuk meneruskan pembelajaran atas talian pada 29 Julai 2020, ini bermakna mahasiswa dan mahasiswi tersebut akan terus mengalami kesusahan bagi pembelajaran atas talian pada semester akan datang ini sekiranya mereka semua tidak dibantu.

Oleh yang demikian, pihak KMUM telah menjalankan satu borang maklum balas iaitu “*Survey: Economic Status of Students of the University of Malaya during RMO*” dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi pada 15 Ogos 2020 berkenaan masalah tersebut.


### Adakah anda mempunyai komputer riba?



Carta Pai 3: Statistik Berdasarkan Respon Borang Maklum Balas oleh KMUM

Menurut statistik di atas, seramai 17 mahasiswa dan mahasiswi yang tidak mempunyai komputer riba manakala 257 yang mempunyai komputer riba. Walaupun jumlah tersebut adalah sedikit, namun ini tidak bermakna kita tidak perlu membantu mahasiswa dan mahasiswi tersebut bagi tujuan pembelajaran atas talian.

### Sekiranya anda tidak mempunyai komputer riba, adakah anda memerlukannya?



Carta Pai 4: Statistik Berdasarkan Respon Borang Maklum Balas oleh KMUM

Menurut statistik di atas berdasarkan survey yang sama, pihak KMUM mendapati bahawa 100 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya yang amat memerlukan komputer riba manakala 34 telah menjawab tidak. Mahasiswa dan mahasiswi yang menjawab ya di atas merangkumi mahasiswa dan mahasiswi yang tidak mempunyai komputer riba dan juga mereka yang mempunyai komputer riba tetapi komputer mereka mempunyai masalah tersendiri.

**Cadangan Penyelesaian Isu diatas:**

Menurut laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM), Universiti Malaya, KMUM mendapati pihak PTM telah membuat pembelian komputer riba menggunakan tabung yuran ICT pada setiap tahun.

Oleh itu, maka pihak KMUM ingin mencadangkan kepada pihak PTM untuk memberi pinjaman komputer riba kepada mahasiswa dan mahasiswi UM yang amat memerlukan. Pihak KMUM percaya bahawa sekiranya UM ingin meneruskan pembelajaran atas talian, maka Pihak Pengurusan UM perlu mengambil segala cara atau inisiatif untuk membantu rakan-rakan mahasiswa dan mahasiswi UM yang menghadapi masalah seperti ketiadaan komputer riba supaya tiada rakan-rakan mahasiswa dan mahasiswi UM yang ketinggalan sepanjang pembelajaran atas talian pada semester I, sesi 20/21 ini.



Jadual 5: Perbelanjaan yang diuruskan oleh PTM bagi tahun 2018.


Jenis Perolehan/Perbelanjaan	OCAR 2018 (RM)	Tabung Yuran ICT (RM)	RMK11 (RM)
1. Penyelenggaraan rangkaian (kelengkapan rangkaian, internet) kampus utama	1,548,537.43	-	-
2. Penaiktarafan rangkaian internet kampus cawangan dan lain-lain	404,923.37	-	-
3. Penaiktarafan <i>network access switch, tranceiver, fibre optic</i> dan rak rangkaian	903,951.02	2,058,933.00	-
4. Penyelenggaraan lesen peralatan dan penyelenggaraan perkakasan rangkaian	398,271.00	-	-
5. Penaiktarafan kelengkapan Pusat Data	-	1,137,115.72	-
6. Penyelenggaraan Pusat Data (pelayan, pelanjutan warranti)	1,398,357.00	1,174,519.85	-
7. Pembelian komputer peribadi, komputer riba dan alat ganti	288,700.00	-	-
8. Penaiktarafan infrastruktur bilik pelayan Fasa 2	-	-	642,360.00
9. Keselamatan ICT (langganan lesen)	398,417.80	-	-
10. Penyelenggaraan lesen perisian untuk pengajaran dan pembelajaran	408,515.02	-	-
11. Emolumen bagi enam (6) staf kontrak (pindahan ke Tabung Emolumen mengikut tahun kontrak minima 2 tahun untuk pelbagai projek – purata RM509,360 setahun) dan enam (6) pelajar latihan industri secara giliran untuk projek Printis: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 Sistem Maklumat Pelajar;</li> <li>• 1 Sistem E-learning;</li> <li>• 2 Multimedia;</li> <li>• 1 Laman Web; dan</li> <li>• 6 Pelajar Latihan Industri untuk projek Printis</li> </ul>	-	801,939.58	-
12. Pembelian lesen platform Sitefinity	130,000.00	-	-
13. Pembelian <i>Software Support and Maintenance SITS Vision Student Information System 2019</i>	532,621.00		
14. Lain-lain (pembelian dan penyelenggaraan CCTV, pembelian komputer riba, peralatan	90,307.91	166,901.00	

Muka 17 dari 18

*Laporan Tahunan Pusat Teknologi Maklumat, Universiti Malaya 2018*

Berdasarkan laporan tersebut, bagi pelajar yang tidak mempunyai komputer riba, pihak PTM boleh memberi pinjaman komputer riba milik PTM sebagai bantuan kepada pelajar yang tidak mempunyai komputer riba. Perlu adanya satu mekanisme bagi mengenalpasti mahasiswa dan mahasiswi yang memerlukan bantuan dan satu kontrak atau grant boleh diberikan kepada mahasiswa dan mahasiswi bagi memastikan pelajar tersebut tidak cuai semasa menggunakan komputer riba pinjaman

tersebut. Garis Panduan PTM (ISO/IEC 27001:2013) yang sedia ada hanyalah untuk pengagihan komputer riba kepada staf UM sahaja.



*Mekanisma bagi pemberian kontrak/grant kepada pelajar yang tidak mempunyai komputer riba*

Rangkumannya, pihak KMUM ingin mencadangkan agar satu pemberian grant atau kontrak perlu diberi kepada mahasiswa dan mahasiswi yang ingin meminjam komputer riba daripada pihak PTM sewaktu pembelajaran atas talian. Pihak KMUM ingin menegaskan sekali lagi bahawa pihak pengurusan universiti perlulah mengambil apa-apa cara dan inisiatif sekali pun seperti pinjaman komputer riba bagi memastikan setiap mahasiswa mempunyai akses terhadap pembelajaran atas talian ini. Semua ini adalah penting bagi memastikan tidak ada sesiapa pun yang tertinggal di belakang (no one should be left behind) dalam pengajaran dan pembelajaran mod atas talian bagi semester hadapan.

## **KESIMPULAN**

Akhir kata, KMUM berharap agar kertas tuntutan ini akan diterima dengan baik oleh pihak pengurusan Universiti Malaya selaras dengan hasrat Universiti untuk sentiasa menjaga kebajikan pelajar. KMUM sentiasa prihatin dan cakna akan kebajikan mahasiswa UM. KMUM sentiasa bersedia membantu pentadbiran Universiti Malaya selagi mana keputusan dan tindakan yang diambil menguntungkan kebajikan rakan-rakan mahasiswa untuk memastikan “no one should be left behind” terutamanya semasa pembelajaran atas talian dijalankan sepanjang semester I sesi 20/21 akan datang.

Sekian.

*BERKHIDMAT DEMI MAHASISWA*

**Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya 2020**

## **RUJUKAN**

1. Garis Panduan Pengagihan Komputer Riba dan Desktop (ISO/IEC 27001:2013)  
<https://ptm.um.edu.my/img/files/52-notebook-and-desktop-computer-distribution-guidelines-ver-1-1.pdf>
2. Laporan Tahunan 2018 Pihak Teknologi Maklumat, Universiti Malaya  
<https://ptm.um.edu.my/ICT-Project/Annual%20Report%202018.pdf>